

Jaga kebajikan ternakan

Oleh LAUPA JUNUS

DALAM mana-mana sub bidang ternakan, sama ada ayam, burung puyuh malah ternakan ruminan, masih ramai pengusaha mungkin tidak menitikberatkan aspek kebajikan.

Bunyinya mungkin agak janggal tetapi kesedaran masyarakat mengenai penjagaan haiwan, mendorong kepada wujudnya satu bidang yang tidak kurang pentingnya ketika ini terutama di kalangan masyarakat yang dikenali sebagai kebajikan ternakan.

Menurut seorang pakar ternakan tempatan yang banyak membuat kajian dalam industri ayam, Prof. Dr. Zulkifli Idrus, secara mudahnya, kebajikan seekor ternakan merujuk pada kualiti kehidupan. Ia melibatkan pelbagai elemen seperti kesihatan, kegembiraan dan jangka hayat.

Beliau yang juga Pengarah Institut Pertanian Tropika Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kebajikan haiwan merupakan suatu keadaan harmoni antara haiwan dan persekitarannya bercirikan fungsi fizikal dan psikologi optimum dan kualiti hidup haiwan yang tinggi.

"Dalam ternakan ayam, isu kebajikan utama yang perlu diberi perhatian ialah keperluan ruang kerana haiwan ternakan memerlukan ruang untuk membolehkan ia hidup selesa dan menunjukkan kelakuan semula jadinya," ujar beliau.

Beliau berkata, sistem ternakan intensif menitikberatkan kos setiap unit output dan ini lazimnya akan menjelaskan kebajikan ternakan.

Menurut Dr. Zulkifli lagi, kesempitan ruang adalah isu kebajikan utama pada ternakan di bawah sistem intensif.

"Kesempitan ruang boleh menjelaskan produktiviti, jangka hayat, kelakuan dan kesihatan haiwan, katanya.

Meskipun keadaan kepadatan tinggi menjelaskan produktiviti, kajian ekonomi menunjukkan amalan tersebut meningkatkan untung bersih pengeluaran daging dan telur.

Ini mengakibatkan konflik antara

Sebenarnya tahap kebajikan yang baik boleh meningkatkan produktiviti, kesihatan haiwan dan juga kualiti daging dan telur yang dihasilkan

kebajikan ternakan dan keuntungan. Kesempitan ruang dianggap sebagai masalah utama dalam industri ayam pedaging dan penelur.

Pada masa sama, isu ruang sangat ketara pada ayam penelur dalam sistem sangkar bateri.

Ruang untuk setiap ekor lebih kurang 450 hingga 500 sentimeter persegi.

Ruang berkenaan terlalu sempit sehingga ayam sukar untuk bergerak dan tidak boleh membuka sayap. Oleh kerana ayam kurang bergerak, kaki ayam menjadi lemah dan tulangnya mudah patah.

Ketika ini menurut Dr. Zulkifli, isu kebajikan ayam dan ternakan lain dianggap sebagai penting dalam bidang pertanian di kebanyakan negara maju seperti Kesatuan Eropah dan Australia.

Beliau menambah, ia mendapat perhatian serius di kalangan masyarakat, pengusaha, saintis dan pihak berkuasa di negara-negara berkenaan dengan pengenalan pelbagai garis panduan untuk amalan penternakan yang berteraskan kebajikan.

Isu kebajikan haiwan juga mempunyai impak besar ke atas urusan import dan eksport ternakan.

Sebagai contoh, tidak lama dahulu Australia membekukan eksport lembu hidup ke Indonesia kerana dilaporkan cara pengendalian lembu di rumah sembelih menyebabkan penderaan.

Pengguna di rantau berkenaan mahukan produk seperti daging dan telur daripada ayam yang diternak di bawah sistem yang mesra haiwan.

Malah katanya, penyelidikan kebajikan haiwan disalurkan dana yang besar.

Di negara Malaysia contohnya, isu kebajikan haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing mendapat perhatian jauh lebih serius berbanding ternakan intensif.

seperti ayam.

"Ini kerana masyarakat kita anggap ternakan adalah untuk disembelih. Oleh itu kebajikannya kurang penting.

"Ternakan seperti ayam mempunyai perasaan dan boleh mengalami sengsara dan penderitaan seperti haiwan lain," ujar beliau.

Ramai pengusaha mempunyai tanggapan bahawa isu kebajikan haiwan tidak penting atau kurang penting jika ia tidak menjelaskan pulangan.

Menurutnya lagi, sebenarnya tahap kebajikan yang baik boleh meningkatkan produktiviti dan kesihatan haiwan dan juga kualiti daging dan telur yang dihasilkan.

Beliau berkata, isu tersebut perlu ditangani bersama melibatkan pelbagai pihak terutama agensi berkaitan di negara ini.

Katanya, setiap individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempunyai peranan masing-masing ke arah menjadikan isu berkenaan mendapat perhatian.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mempunyai peranan yang sangat besar dalam usaha meningkatkan kebajikan haiwan.

Bagaimanapun, sebelum JPV mewujudkan peraturan atau undang-undang berkaitan kebajikan haiwan yang lebih ketat, langkah awal yang perlu diambil ialah mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat.

"Saya percaya sebahagian masyarakat tidak tahu atau sedar mengenai isu kebajikan ternakan. Mereka tidak tahu tentang amalan sistem penternakan intensif.

Malah, ada pihak yang takut atau bimbang sekiranya masalah kebajikan ternakan didebak atau dihebohkan ia

akan menjelaskan industri ternakan.

Oleh itu katanya pihak berkenaan lebih gemar jika isu tersebut tidak ditimbulkan di kalangan masyarakat umum.

Saintis juga mempunyai peranan penting dalam menjalankan penyelidikan untuk memahami dan seterusnya menyelesaikan masalah kebajikan haiwan.

Mengenai bagaimana usaha tersebut perlu diberi perhatian serius, Dr. Zulkifli menjelaskan bahawa beliau tidak bermaksud supaya sistem penternakan secara intensif dihentikan.

"Apa yang perlu disedari ialah hubungan kita dengan ternakan adalah simbiotik dan kita bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan ternakan dan juga diri kita sendiri.

Kata beliau mungkin di negara-negara yang mengalami masalah kebuluran, keutamaan adalah kebajikan manusia dan bukan kebajikan haiwan ternakan.

Tetapi tidak ada sebab mengapa negara yang maju dan mewah seperti Malaysia tidak mampu mengambil inisiatif untuk mewujudkan sistem pertanian ternakan yang lebih mesra haiwan dan pada masa yang sama menjanjikan pulangan besar.

Untuk menyelesaikan masalah kebajikan ternakan, pertama sekali pihak industri perlu melihat perkara tersebut sebagai suatu isu dalam pertanian ternakan.

Katanya, sebelum satu kaedah untuk mengatasi masalah kebajikan haiwan diambil, perlu juga diketahui apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi peratus kecederaan dan kematian ayam semasa dalam pengangkutan.

Faktor cuaca, ventilasi (pengudaraan), kaedah ayam ditangkap di ladang dan kepadatan ruang dalam raga adalah di antara faktor utama yang perlu ditekankan.

Suatu garis panduan diperlukan untuk amalan menangkap dan mengangkut ayam supaya kebajikannya senantiasa terjaga.

Ditanya apakah mengabaikan kebajikan ternakan boleh dianggap penderaan, beliau menjawab: "Sudah tentu."